

Bahagian A

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- | | |
|--|--|
| 1 Untuk menghasilkan _____ yang cantik, kesabaran dan kemahiran yang tinggi amat diperlukan.
A bebuli
B lelabu
C sesiku
D tertupai | 3 Puan Tan _____ akan khabar daripada suaminya yang ke luar negara sejak tiga hari lalu atas urusan kerja.
A termimpi-mimpi
B terigau-igau
C ternanti-nanti
D tertanya-tanya |
| 2 Doktor meminta Amir memalingkan mukanya ke kanan supaya beliau dapat memeriksa _____ telinga kiri Amir.
A jejari
B bebola
C lelangit
D gegendang | 4 Pak Bidin meletakkan _____ di sawahnya untuk menakutkan burung-burung.
A patung-patungan
B anak-anakan
C main-mainan
D orang-orangan |

B. Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Mereka berbual-bual sambil melihat-lihat keadaan di dalam rumah kosong yang dipenuhi sarang lelabah itu. Tiada kesalahan.
A B C D
- 2 Danial membelek-belek kasutnya yang koyak semasa dia berkejar-kejar dengan adiknya di tepi bebalai tadi. Tiada kesalahan.
A B C D
- 3 Penduduk Taman Muhibah hormat-menghormati dan bantu-membantu dalam melakukan sesuatu perkara walaupun mereka terdiri daripada berbagai bangsa. Tiada kesalahan.
A B C D

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Belakang Saufi merah kerana digigit lelabi.

(ii) Tukang kayu itu menggunakan tetupai untuk mengukur sudut tepat.

(iii) Dia membuka-buka setiap halaman buku rujukan itu sebelum membacanya.